

Polis syor tubuh Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan

UM 17 APR 2011

SHAH ALAM 16 April — Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai berkata, cadangan pihaknya agar ditubuhkan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan (MPJK) adalah sebagai usaha mengurangkan kadar jenayah secara menyeluruh di negara ini.

Beliau berkata, kertas cadangan MPJK itu sudah disiapkan dan akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi.

“Ini kerana pada masa ini pencegahan jenayah dipandang sebagai tanggungjawab kerajaan sahaja tetapi pada hakikatnya ia adalah tanggungjawab semua pihak termasuk rakyat dan badan-badan lain,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis perasmian persidangan pesuruhjaya, ketua, ketua dan komander polis seluruh negara di Hotel Concorde disin hari ini.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Dalam Negeri.

Norian menambah, sekiranya diterima, MPJK dijangka mampu membuat dasar berkenaan program pencegahan jenayah dan mengaplikasikan pandangan orang ramai, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kementerian, jabatan kerajaan dan pihak swasta.

Menurut beliau, MPJK juga mungkin akan dianggotai oleh, pelbagai pihak termasuk NGO seperti Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, ahli akade-

mik dan sebagainya bagi memudahkan PDRM mencari pendekatan sesuai bagi mencegah jenayah.

MPKJ juga, katanya, akan dapat memainkan peranan secara lebih proaktif sekiranya diluluskan kerana ia mendapat bantuan kewangan dari kerajaan seperti Majlis Dadah Kebangsaan.

Kepada satu soalan, Norian juga berkata, PDRM hari ini juga telah mendampingi kerajaan supaya menggubal satu akta perlindungan saksi yang lebih menyeluruh berbanding peruntukan sedia ada.

Perlindungan

“Perlindungan saksi yang ada sekarang semata-mata dari segi perlakuan salah seseorang di bawah undang-undang jenayah dan dengan akta ini kita harap perlindungan yang diberikan adalah lebih luas,” ujarnya.

Sementara itu, Norian memberitahu, beliau juga mengalu-alukan kesediaan Dr. Mahathir dan Abdullah yang menghadiri persidangan hari ini dan menyifatkannya sebagai galakan kepada PDRM.

“Dalam pertemuan pagi ini, kedua-dua pemimpin itu telah memheri pandangan secara meluas tentang aplikasi kerajaan, harapan masyarakat dan member-i beberapa cadangan kepada polis bagi meningkatkan lagi kedudukan dari segi sumbangan dan tugas.

“Ia memberi semangat bagi PDRM berhadapan dengan pelbagai masalah,” katanya.